

11/08/1999

Nik Aziz sifatkan Umno tidak cermat buat penilaian

KOTA BHARU, Selasa - Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, menyifatkan Umno tidak cermat dalam membuat penilaian terhadapnya berhubung isu doa yang dibaca dan diamalkannya.

Beliau hairan mengapa doa yang dibaca dan diamalkan oleh ahli Pas menimbulkan kemarahan sesetengah pihak sedangkan ia menjadi amalan imam ketika membacanya di mimbar masjid.

Menurutnya, doa yang bermaksud meminta supaya Tuhan menjahanamkan golongan kafir dan munafik serta menghancurkan musuh Islam pernah dibaca oleh imam.

"Pas pun baca doa itu juga, tetapi kena marah?" katanya pada majlis ceramah Pas di Kampung Pasir Jelatang, dekat sini, malam tadi. Turut menyampaikan ceramah ialah Ketua Dewan Pemuda Pas Kelantan, Takiyuddin Hasan.

Menteri Besar Kelantan berkata demikian sebagai merujuk kepada salinan doa yang diedarkan kepada orang ramai di Perlis yang memohon Allah membutakan mata rakyat supaya hanya melihat lambang Pas (bulan).

Sebelum ini, Nik Aziz mengakui meniru dan mengubahsuai doa Nabi Muhammad S.A.W ketika baginda ingin memasuki Makkah, dengan meminta agar 'dibutakan' mata pengundi supaya hanya 'melihat' bulan (lambang Pas).

Menurutnya, doa itu ditujukan khusus kepada golongan 'pengundi hantu' di samping turut merangkumi penyokong Barisan Nasional (BN).

Beliau merujuk kepada doa Nabi Muhammad ketika Baginda dan rombongannya dilanda kebimbangan diserang askar Makkah dalam perjalanan menuju ke kota itu.

Beliau pertama kali membaca doa itu selepas menyampaikan ceramah berhubung isu 'mencarut dibolehkan dalam agama Islam' pada majlis ceramah Perdana di Stadium Sultan Mohamed Ke-IV, di sini, pada 1 Mei lalu.

"Doa itu sama dengan hak (apa yang) tok imam baca, jatuh ke (apabila) Pas baca, tak boleh. Sebab apa...? Itu menunjukkan kawan-kawan kita daripada Umno tak cermat.

"Dia (Umno) hanya mendengar (percaya) mereka yang tidak mengaji (belajar) agama dan tolak mereka yang mengaji agama," katanya.

Tindakan itu juga, katanya, menyebabkan alim ulama digam daripada mengambil bahagian dalam ceramah agama di radio dan menjadi ahli panel Forum Perdana di televisyen.

Beliau mendakwa kecenderungan rakyat menyokong perjuangan Pas sejak kebelakangan ini disebabkan mereka bosan dengan tindak tanduk Umno yang sentiasa mengecam golongan ulama.

"Inilah benda yang menyebabkan kawan-kawan kita (Pas) yang kuat dalam Umno hari (ketika) itu bertukar masuk Pas," katanya.

Katanya, beliau tidak menduga tindakan Pas menerima ahli Parti Melayu Semangat 46 (S46), sebagai rakan politik dalam Angkatan Perpaduan Ummah (APU) rupa-rupanya membawa faedah kepadanya kerana dapat menarik bekas penyokong kuat Umno menyokong Pas.

Sambil berseloroh, Nik Aziz menjelaskan beliau pernah menjawab persoalan wartawan bahawa tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sering mengaitkan nama ketika berucap dalam siri lawatan ke beberapa negeri, termasuk Sarawak, Melaka, Perak, "kerana PM (Perdana Menteri) jatuh cinta kepadanya".

"PM sebut sokma (selalu) nama saya, kerana dia (PM) jatuh cinta ke ambo (saya)... dia jatuh hati pada saya sebab tu dia selalu sebut nama saya!"

katanya.

(END)